

Inspira^{Inside}

TERKINI DI UPSI



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Bil 26: 29 Jun 2026

Fawwaz Haiqal Wakili Malaysia ke Kejohanan Dunia ACP di AS


Tanjong Malim, 16 Jun - Kejayaan mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Muhammad Fawwaz Haiqal Mohd Fuaad menjuarai pertandingan *CCC's Adobe Certified Professional (ACP) Malaysia National Championship 2026*, baru-baru ini, membolehkan beliau mewakili Malaysia ke Kejohanan Dunia ACP di Anaheim, California, Amerika Syarikat (AS) pada Julai depan. Mahasiswa Program Pendidikan (Teknologi Maklumat) dari Fakulti Komputeran dan META-Teknologi (META) itu turut membawa pulang hadiah kemenangan dan tajaan perjalanan keseluruhan bernilai RM24,000 bagi menyertai pertandingan tersebut yang dijadual berlangsung dari 26 hingga 29 Julai.

Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff berkata, kejayaan berkenaan membuktikan keupayaan pelajar universiti itu untuk bersaing di peringkat antarabangsa dalam bidang reka bentuk kreatif dan teknologi digital. "Kejayaan membanggakan ini membolehkan beliau mewakili Malaysia ke peringkat dunia, sekali gus meneruskan legasi kecemerlangan pelajar META dalam bidang reka bentuk kreatif dan pensijilan profesional antarabangsa. "Pencapaian Muhammad Fawwaz Haiqal bukan sahaja menyerlahkan keupayaan luar biasanya dalam pertandingan ini, malah turut mengangkat nama UPSI sebagai institusi yang berjaya melahirkan bakat digital bertaraf dunia," katanya dalam satu kenyataan. Menurut beliau, *Adobe Certified Professional World Championship* merupakan pertandingan bertaraf antarabangsa yang menguji kemahiran peserta menghasilkan poster kreatif menggunakan perisian Adobe Photoshop, Illustrator dan InDesign. Kata beliau, peserta dari seluruh dunia akan mewakili negara masing-masing dalam menghasilkan poster yang informatif dan kreatif bagi organisasi bukan berasaskan keuntungan yang dipilih oleh pihak penganjur.

Ujar Md Amin, Muhammad Fawwaz Haiqal muncul antara tiga peserta terbaik negara daripada lebih 1,000 penyertaan

melibatkan pelajar sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi di seluruh negara dalam Kejohanan Kebangsaan ACP Malaysia 2026. "Kejohanan Kebangsaan ACP Malaysia merupakan sebahagian daripada Kejohanan Kebangsaan ACP dan *Microsoft Office Specialist Malaysia (MOS) 2026* anjuran Acestar Sdn. Bhd.

"Tahun 2026 menandakan edisi ke-11 penganjuran pertandingan ini yang berlangsung dengan kerjasama Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) serta rakan strategik badan bukan kerajaan (NGO)," katanya lagi. Bertemakan '*Bridging Gaps, Empowering Malaysia*', pertandingan berkenaan memberi penekanan kepada usaha memperkukuh masyarakat inklusif melalui pembangunan bakat belia dalam bidang kreativiti dan teknologi digital. Dalam pada itu kenyataan sama memaklumkan, bahawa kejayaan Muhammad Fawwaz Haiqal turut disumbangkan hasil bimbingan pensyarah Jabatan Sains Komputer dan Teknologi Digital, Ahmad Nurzid Rosli, manakala Nur Saadah Fathil bertindak sebagai penasihat sepanjang pertandingan tersebut berlangsung.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



UPSI Sasar i-Furqan teraju pendidikan tahfiz global

Tanjong Malim, 24 Jun - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menyasarkan Institut Pendidikan Tahfiz dan Turath Islami (i-Furqan) menjadi pusat rujukan pendidikan tahfiz yang berperanan besar di peringkat nasional, Nusantara dan antarabangsa dalam usaha memperkukuh pembangunan pendidikan Islam negara.

Ahli Lembaga Pengarah UPSI, Prof Dr Azmi Mohamad berkata, aspirasi itu selaras dengan penaiktarafan Jabatan Pendidikan Islam (JPI) kepada i-Furqan yang diumumkan secara rasmi tahun ini.

Beliau berkata, i-Furqan tidak seharusnya berfungsi sebagai sebuah jabatan akademik biasa, sebaliknya perlu memainkan peranan lebih besar dalam menyumbang kepada pembangunan pendidikan Islam dan institusi tahfiz negara.

“Kami mahu melihat i-Furqan melangkah lebih jauh. Peranannya bukan sahaja di UPSI tetapi juga di peringkat nasional. “Kami mahu melihat bagaimana i-Furqan boleh membantu memperkasa

dasar pendidikan tahfiz negara serta menjadi pusat rujukan yang dicontohi bukan sahaja di Malaysia malah di Nusantara dan luar negara,” katanya.

Beliau berkata, demikian ketika berucap pada Majlis Syarahan Budiman Prof. Dr. Mohamad Rozaimi Ramle yang berlangsung di Dewan Konvensyen Kampus Sultan Abdul Jalil UPSI di sini, hari ini. Azmi berkata, UPSI turut mendokumentasikan setiap fasa pembangunan i-Furqan, termasuk pembinaan bangunan baharunya sebagai sebahagian daripada usaha membina legasi institusi itu untuk generasi akan datang.

“Kami mahu melihat di mana kedudukan i-Furqan dalam tempoh 30 tahun akan datang dan sumbangannya kepada masyarakat serta negara,” katanya. Dalam pada itu, Azmi turut merakamkan penghargaan kepada Mohamad Rozaimi atas sumbangan besar dalam bidang fiqh dan usul fiqh yang mendapat pengiktirafan di peringkat nasional serta antarabangsa, sekali gus mengharumkan nama UPSI.

UPSI, INSTUN meterai MoU perkasa penggunaan dron dan teknologi geospasial

Tanjong Malim, 23 Jun - Mahasiswa perlu menguasai literasi kewangan dan memahami agenda kelestarian global bagi melengkapkan diri sebagai generasi yang berdaya saing, bertanggungjawab serta mampu menyumbang kepada pembangunan negara pada masa hadapan.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif RHB Islamic Bank Berhad, Datuk Adissadikin Ali berkata kedua-dua aspek itu menjadi fokus utama penganturan program *RHB Ocean Harmony* dan *RHB MySiswa Brand Challenge 2026* yang menghimpunkan mahasiswa daripada sembilan institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Beliau berkata program yang berlangsung selama tiga hari itu bukan sekadar sebuah acara,

sebaliknya merupakan platform pembelajaran yang memberi pengalaman sebenar kepada mahasiswa dalam aspek pemasaran, perbankan digital, literasi kewangan serta kesedaran terhadap isu kelestarian.

“Jika anda melihat program ini sebagai satu acara, ia hanya akan menjadi sebuah acara. Namun jika anda melihatnya sebagai pengalaman pembelajaran, anda akan memperoleh nilai yang jauh lebih besar daripada apa yang telah disediakan sepanjang program ini,” katanya ketika merasmikan Majlis Penutupan RHB Ocean Harmony dan RHB MySiswa Brand Challenge 2026 di Panggung Percubaan, Kampus Sultan Azlan Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), hari ini.



Dapur Kasih Bitara bantu lebih 2,000 pelajar UPSI

Tanjong Malim, 26 Jun - Lebih 2,000 pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menerima manfaat menerusi Program Dapur Kasih Bitara Siri 9/2026 yang dianjurkan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) dengan kerjasama Sekretariat Mahasiswa Anak Negeri Sembilan (SEMANIS) di Perkarangan Masjid Al-Mursyidin, Kampus Sultan Azlan Shah.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPSI, Prof Dr. Norkhalid Salimin berkata program berkenaan bukan sekadar menyediakan makanan kepada pelajar, malah menjadi platform memperkukuh budaya kesukarelawanan dan jaringan kerjasama strategik antara universiti dengan pelbagai pihak.

Menurut beliau, program kebajikan mahasiswa yang memasuki siri kesembilan bagi tahun ini menerima pembiayaan bersama berjumlah RM6,000 daripada Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) dan Yayasan Negeri Sembilan bagi menyediakan makanan tengah hari kepada warga kampus. Sebanyak lebih 2,000

pek makanan bersama enam pilihan minuman berjaya disediakan hasil kerjasama sukarelawan daripada BHEP, Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif (FSKIK) serta Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

“Dapur Kasih Bitara membuktikan bahawa kebajikan pelajar adalah tanggungjawab bersama. Apabila universiti, agensi luar, alumni, pertubuhan dan mahasiswa berganding bahu, kita bukan sahaja dapat membantu meringankan beban kos sara hidup pelajar, malah menyemai nilai empati, kesukarelawanan dan semangat kekitaan yang menjadi teras pembentukan graduan holistik,” katanya ketika menghadiri program berkenaan, kelmarin.

Menurut beliau, sokongan berterusan pelbagai pihak termasuk Yayasan Negeri Sembilan membolehkan inisiatif kebajikan mahasiswa itu dilaksanakan secara konsisten bagi memastikan kesejahteraan pelajar terus terpelihara.

Program itu menyaksikan penglibatan aktif

puluhan sukarelawan yang memulakan persiapan seawal jam 7.45 pagi melibatkan penyediaan bahan mentah, proses memasak dan pembungkusan makanan secara bergotong-royong sebelum agihan dilaksanakan bermula jam 12 tengah hari.

Sejak diperkenalkan, Dapur Kasih Bitara berkembang sebagai antara program kebajikan berimpak tinggi UPSI dalam membantu meringankan kos sara hidup mahasiswa melalui pendekatan kolaborasi bersama agensi kerajaan, yayasan, badan korporat, alumni dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

“Selain menyediakan bantuan makanan, program itu turut menjadi medium pembangunan sahsiah mahasiswa menerusi penerapan nilai kepimpinan, kerja berpasukan, kesukarelawanan dan tanggungjawab sosial selaras dengan aspirasi UPSI untuk melahirkan graduan yang seimbang dari segi akademik dan kemanusiaan,” katanya.



‘Key Factor in Successful Leadership’ slot bersama di dalam seminar From Zero to Millions-Driving Excellence



UKLK Kekal Cemerlang di Pentas AKK 2026



Buku Braille Pertama Keusahawanan di Malaysia Buka Laluan Orang Buta Menjadi Usahawan



UPSI Perkukuh Agenda Kelestarian Alam, Tanam 2,500 Pokok Bakau di Hutan Simpan Kekal Kapar